

SEBUAH ANTOLOGI PUISI

Buatmu Ibu



Gabungan Penulis
Kolej Universiti Islam Malaysia

Idea dan diselenggarakan oleh:
BAHAGAIAN HAL EHWAL PELAJAR



SEBUAH ANTOLOGI PUISI

Buatmu Ibu



**Gabungan Penulis
Kolej Universiti Islam Malaysia**

Idea dan diselenggarakan oleh:
BAHAGAIAN HAL EHWAL PELAJAR



KANDUNGAN

SEGUGUS HARAPAN BUAT ANAK BANGSAKU	1
SELAUT KASIH BUATMU IBU	2
PELUANG KEDUA	3
TERBENAM RINDU	4
GELOMBANG TSUNAMI 2005	5
DENGARLAH CERITA INI	6
BACALAH	7
KHABAR UNTUK DUNIA DARI BUMI KARBALA	8
MALAM YANG PANJANG	9
MANTERA SEMERAH PADI	10
SUDAH-SUDAPLAH....	10
MENGEJAR WAKTU	11
SIAPAKAH	12
KALAU DIA PERGI...	13
MAAF, DUHAI ANAK	14
UNTUK MU PENDEBAT	15
PANTUN BAGI BULETIN KHAS	
KONVOKESYEN KEEMPAT KUIM	16
PANTUN UNTUK DIBACA PADA MALAM 'APRESIASI SENI'	
SEMPENA MINGGGU TAA'RUF SESI 2006/2007	17
MALAM ASPRESIASI SENI SEMPENA	
MINGGU TA'ARUF PELAJAR TAMHIDI 2006/2007	19
PERTANDINGAN PANTUN SEMPENA HARI KEPUTERAAN	
YANG DI PERTUAN AGONG ANJURAN KLASIK FM	20
SEMANGAT SATRIA	21

PRAKATA

Buku Antologi Puisi 'Buatmu Ibu' ini merupakan gagasan idea yang sudah lama tersimpan untuk diterbitkan. Menyedari bahawa adanya bakat dan kemampuan yang perlu dihargai, Unit Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal berusaha agarnya impian ini terlaksana. Akhirnya Antologi Puisi 'Buatmu Ibu' telah direalisasikan dengan menggabungkan penulis dari kalangan kakitangan Kolej Universiti Islam Malaysia dengan memberi ruang kepada mereka meluahkan maksud dan isi yang tersirat untuk diselami bersama pembaca.

Puisi telah mendapat tempat yang khusus dalam masyarakat. Dalam setiap persembahan pentas, perbicaraan, nyanyian, puisi dijadikan antara elemen untuk dipertontonkan. Sejak berkurun lamanya juga puisi menjadi pilihan audien untuk diterjemahkan maksudnya.

Antologi ini menyingkap rasa kelembutan, keharmonian, ketegasan dan keintelektualan yang mampu menggamit rasa cinta kita pada keamanan dan kemanusiaan sejagat. Tidak disangkal bahawa karya Abd Ghafar amat rapat dengan ragam sahabat disekelilingnya. Ramzi Sulaiman tidak terlepas dari bait-bait kasih sayang sesama insan serta rintihan sebagai anak dagang. Peperangan yang meletus tetap menjadi tumpuan Hariza sebagai lontaran kehibaan terhadap mangsa-mangsa yang tidak berdosa akibat kezaliman zionis. Kasih sayang dan harapan kepada anak juga mencuri tumpuan Nik Salida untuk mengungkapkan rasa teruja dengan kelahiran zuriat yang melengkapkan sebuah keluarga. Prof. Dr. Mohammad Hj. Alias tidak ketinggalan dalam mengetengahkan karya puitisnya dalam genre pantun. Beliau tidak segan silu berkongsi kegembiraannya melalui kejayaan yang ditempa oleh pelajar dan kakitangan KUIM dalam penglibatan program universiti.

Selain itu, penerbitan antologi ini diharapkan dijadikan pemangkin kepada hasil-hasil karya kreatif yang akan datang. Justeru usaha pengumpulan hasil karya ini juga sebagai tanda menghargai jasa dan budi dua kakitangan Bahagian Hal Ehwal Pelajar iaitu Encik Ramzi Sulaiman dan En. Abd Ghafar Rabu yang begitu sinonim dengan karya kreatif berbentuk puisi.

'Sesungguhnya menghayati dan memahami karya sastera boleh membahagia ceriakan pengalaman individu atau seseorang insan itu. Malah, memakmurkan pemikiran dan karya sastera berupaya menjernihkan emosi kita'.

*Prof. Madya Dr. Othman Puteh
Universiti Kebangsaan Malaysia
Disember 1994
Petikan Antologi Cerpen GURUH*

SEGUGUS HARAPAN BUAT ANAK BANGSAKU

Aduhai anak-anak bangsaku
Mengapa harus kau persendakan
Harapan ibu dan ayah di desa
Agar kau berjaya di kota
Menyambung cita-cita mereka
Dulunya membara tetapi tidak tercipta

Aduhai anak-anak bangsaku
Kemanakah arahmu kini
Langkahmu semakin songsang
Mengejar arus kota kau kelemasan
Hingga kau alpa dengan harapan
Hingga kau lupa dengan apa yang kau citakan

Aduhai anak-anak bangsaku
Mengapa kau persendakan harapan ibu
Mengapa kau hancurkan harapan ayah
Apakah salah mereka
Sedangkan segala kesempurnaan
Telah mereka berikan
Tetapi inilah balasan
Sedangkan segala pengorbanan
Mudahnya kau abaikan

Aduhai anak-anak bangsaku
Dengarlah pesanan dariku
Usahlah kau khayal dengan duniamu kini
Biarpun hidup hanya sekali
Tiada gunanya sesal di akhir nanti
Kerana semalam takkan berulang kembali

Renungkan kembali masa depanmu
Kembalikan semarak kasih ayah dan ibumu
Pulanglah ke pangkal jalan
Moga harapan tidak akan tinggal harapan
Moga kau saja bisa
Mengungkai kesilapan semalam

Abd. Ghafar Rabu

SELAUT KASIH BUATMU IBU

Ibu..

Dengarkanlah rasa hatiku
Yang ingin kuluahkan
Telah lama terpendam
Terbuku disanubari ini
Yang pastinya semalam
Penuh dengan cerita duka

Ayah..

Bertahun lamanya
Kau pergi meninggalkan kami
Menyahut panggilan Ilahi

Dalam dakapan subuh yang sunyi
Airmata ini belum kering di pipi
Mengingatkan kata-kata azimat
Penguat semangat
Dan yang ada dalam hati kecil ini
Hanya namamu kusebut
Ketika aku rindu

Ibu..

Usah diratap pada yang tiada
Kita yang hidup mesti teruskan perjuangan
Keringkanlah air matamu
Usah diikutkan hati yang hiba
Redhakanlah pemergiannya
Sama-sama kita menadah tangan berdoa
Moga ayah ditempatkan bersama orang-orang beriman

Ibu..

Biarpun ayah telah tiada
Nasibmu akan kubela
Percayalah..
Selagi ada hayat ini
Kaulah permata di hati
Kasih sayang, semangat juang ayah membesarkan daku
Akan kujadikan pedoman
Untuku perbaiki kesilapan semalam
Dan akan kupastikan
Kebahagiaan itu milik kita bersama..
Ibu...

PELUANG KEDUA

Betapa peritnya hati menanggung impian murni
Sehingga sarat keliru jiwa dalam perjuangan
Lesu seluruh harapan bila perjuangan bermula
Dugaan bertali arus tiba bagai memberi satu petanda
Perjuangan aku akan berakhir pada nokhtah pertama

Kugagahi kudrat bersama harapan semalam
Mengisi ruang kekecewaan hati di tusuk duri liar
Sehingga aku alpa pada perjuangan
Kadangkala aku nanar mencari kekuatan menafsir
Sinar kegemilangan lantas terperjara aku di iklim beku
Tanpa ruang nafas-nafas kebahagiaan.....

Betapa pedih menyusuri lurah perjalanan kali ini
Mencari titik kejayaan silam sehingga
Membunuh kewarasan jiwa sendiri
Ingatan silam kian merasuk jiwa
Mengapa aku persiakan harapan pertama
Sehingga terperjara aku dilautan penyesalan
tiada kesudahannya

Disaat kegelapan menutupi jalan kejayaan
Wajah-wajah tulus silih berganti meniup kembali
Semangat juang yang masih tersisa
Menyuluh kembali tangga ke puncak kejayaan
Semoga kali aku tidak tewas dalam perjuangan
Menebus kembali harapan silam.....

Ramzi Sulaiman

TERBENAM RINDU

Hidupmu umpama lilin
Membakar diri
Meyinari kehidupan
Insan-insan yang kau kasihi.....

Namun di penghujung usia
Dikau keseorangan
Terasing dalam kesepian
Kau tabah mengharungi
Sisa-sisa penghidupan
Tiada keluh resah
Di saat kesepian
Dan kesunyian merantai jiwa
Walaupun semua itu menemanimu

Kau tetap cekal
Menanti detik kebahagiaan
Hakiki
Persandingan abadi dengan insan yang
Amat kau kasihi

Raut wajahmu
Terhimpun satu kerinduan dan kesunyian
Setelah satu kerinduan dan kesunyian
Setelah kau sendirian
Dalam menempuhi cabaran duniawi
Bayang keresahan menjelma dijiwa
Namun gelora keresahan itu
Tersimpan
Kukuh dihatimu
Harapan untuk menumpang
Kasih pada putera-puteri
Ternyata hanya satu mimpi
Yang tak bisa direalitkan
Tiada siapa yang sudi
Menabur bakti menemanimu
Dipenghujung usia.....

Ramzi Sulaiman

GELOMBANG TSUNAMI 2005

Satu petaka telah tergaris di azali
Ombak menggulung membelah bumi
Hilang segalanya ranap di bawa arus
Bersama keangkuhan dan kebiadaban
Disaat ombak menggila baru mengerti
Betapa kerdil diri menahan gelombang itu
Sekelip mata bumi yang makmur
Bertukar menjadi padang jarak
Hancur luluh bersama mayat bergelimpangan

Tiada kudrat yang mampu melawan takdir
Menahan gelora kemarahan ombak Tsunami
Menelan semua harapan dan impian
Memuntahkan jasad yang tidak bernyawa
Betapa dasyatnya kehadiran gelombang itu
Dunia seakan tiba di penghujung hari

Anak kecil menangisi kehilangan
Tempat bergantung harapan
Sehingga kering air mata
Melara dikhemah kebajikan
Penuh kedaifan dan kepayahan
Betapa sayu mengenangkan
Insan tidak berdosa itu
Terpaksa meneruskan sisa-sisa
Kehidupan angkara Tsunami....

Ramzi Sulaiman

DENGARLAH CERITA INI

Dengarlah cerita ini
Wahai sahabatku yang budiman

Ceritanya bukan sensasi
Yang enak didengar
Tapi menyulam rasa senak dalam kalbu
Menyuntik dendam
Pada mereka yang kejam

Cerita pertama
Terpampam dalam runtuhan
Tubuh mugil seusia 8 bulan
Nama diberi oleh bonda
Shad Okal, terlalu indah sebutan.

Nafasnya tidak panjang sahabatku
Perginya dengan rawan
Darah merah membasahi
Menjadi permaidani rawan
Unggas malam itu seakan terhenti
tuturnya
Melihat tubuh mugil itu kaku dalam
dakapan bondanya.
Dengan titis susu yang masih panas.

Cerita kedua sahabatku
Tidak kurang rawannya
Helakan nafasmu seketika
Mendengar cerita ini
Cerita kekejaman Zionis
Dalang segala derita

Maria Okal
Kekanda kepada Shad Okal
Baru menginjak 5 tahun
Mengenal pentas dunia
Kaku melihat banjir merah adiknya
Menjerit meminta tolong
Meraung meminta dikasihani
Apalah dosaku
Apalah salahku
Tapi raungan dan jeritan itu kaku dan
mati tiba-tiba
Ledakan tak bermata
Menghentikan raungan itu
Maka terbanglah rohnya ke syurga

Sahabatku yang budiman
Itulah cerita rawan
Rentetan Shabra dan Shatila
Yang mungkin berulang.
Jiwa tak berdosa melayang
Umpama buih yang tiada nilanya bagi
mereka.

Hariza Mohd Yusof

BACALAH

Bacalah;
Pertamanya disuruh manusia itu membaca
Kerana itu kunci segala ilmu.

Sekian lama
Masa berlalu bagai air mengalir
Deras membawa segala lontaran dan lakaran kehidupan
Lalu, di manakah segala lakaran itu berlalu
Kalau tiada tinta yang menulisnya.

Tamadun manusia
bukan dengan nilai harta benda
Tamadun manusia
bukan juga berpaksi kepada paras rupa
Tapi tamadun manusia
bertunjangkan
Segala ilmu peradaban

Kalau hilangnya kuasa tinta
Detik manusia sudah tiada gunanya.

Tingginya martabat manusia
tidak akan luntur dan hilang
selagi ada kuasa tinta yang merakam
segala peradaban dan ilmu

Akal manusia disitulah adanya
Dicerna dengan pelbagai tradisi dan nilai kehidupan
Detik hidup adalah ilmu
Tinta yang ditulis tidak pernah padam
Ilmu yang mengalir tidak pernah ada sempadan

Kerana itu baca dan tulislah
Tanpa jemu
Baca dan tulislah
Selagai jasad dikandung badan

Hariza Mohd Yusof

KHABAR UNTUK DUNIA DARI BUMI KARBALA

Salam untuk semua.

Bagaimana lena kalian semalam?
tentu nyenyak dibuai mimpi ...
Malam kalian tiada igauan ngeri,
Tapi bersulam lena, berbantalkan rembulan
Dengan mimpi indah bidadari menyanyi.

Tapi mimpi kami bersulam suram
dengan rentak dan tari gendang perang
Apatah lagi bila sejuk mencengkam,
Mata kami buntang, tidak terpejam.

Khabar kami dari bumi Karbala ini
Tiada yang indah.
Yang sebenarnya,
Sudah lama kami tidak terbuai
Dengan lena yang panjang
apabila malam menjelang.

Apa guna kami tidur,
kalau mimpi-mimpi ngeri yang menguliti kami.
apa guna kami tidur,
kalau debar sentiasa mengisi resah kami.

Khabar dari Karbala ini juga tiada yang indahnyanya,
Anak-anak kami kesejukan
dalam serbak udara gurun yang sampai ketemulang hitam.
Mereka juga tidur,
tapi tidur dalam serba kekejangan
untuk bangkit atau tidur untuk selamanya.

Gema malam tidak lagi kudus dan sepi,
tapi penuh dengan detuman dan ngauman
mencari sasaran perang.

Apakah khabar agaknya anak-anak kalian?
Mereka tentu riang dan gembira
Biarkan mereka berdendang
Biarkan mereka bergendang.
Kerana itulah dunia mereka
Kami hanya menumpang ria
Salam khabar dari Bumi Karbala.

MALAM YANG PANJANG

Malam yang panjang
Kadang menular resah gelisah
Malam yang panjang
Memulas resah dan kasar rumput
Dan embun pun
Turut mengundang sendu
Bersama malam yang panjang

Cerita dalam malam yang panjang
Cerita yang tiada samanya

Dalam malam yang panjang
Seorang kekasih bangkit merindui-Nya
Seorang kekasih bangkit memuja-Nya
Seorang kekasih mengabdikan diri
pada-Nya.

Dalam malam yang panjang
Alunan lidahnya basah dengan zikrullah
Hatinya dekat pada yang Satu
Hatinya takut pada yang pasti
Hidupnya tegar untuk mengabdikan

Malam yang panjang
Enaknya menarik gebar kehidupan
Membungkus kesejukan, menganyam
mimpi
Dalam kerlipan bintang dan bulan
Sejuknya embun pagi
Beratnya hati untuk menunduk
Beratnya hati untuk merukuk
Beratnya hati untuk mengabdikan

Itulah malam yang panjang.

Hariza Mohd Yusof

MENGEJAR WAKTU

Duhai siang,
Tanyakan pada semua orang,
Tidak adakah hari yang panjang,
Supaya tidak dihambat waktu yang
songsang,
Kadang terlambat mengejar ruang,
Bukan terlena kaku di ranjang,
Tapi itulah...
Menongkah hidup bagai tiada jawapan,
Esok dan lusa dinanti tanpa bosan,
Sering terlupa memeta masa depan

Duhai siang,
Tanyakan juga pada semua orang,
Tidak adakah hari esok yang lebih
gemilang,
Sedangkan bukan semua orang
berpeluang,
Mengejar jaya yang cerlang,
Tersilap langkah, harus kembali pulang

Duhai siang,
Usahlah biarkan tanpa jawapan,
Banyak hati yang terkilan,
Kalau selamanya tidak keruan,
Mana mungkin sabar tiada sempadan.

Nik Salida Suhaila Nik Saleh
26 November 2005

MANTERA SEMERAH PADI

Langirkan keris pusaka
Dari dupa yang membara.
Alirkan juga
Wangian kemenyan bangsa
Lafazkan
Mantera bangsa
Semerah padi
Yang berumbikan
Pasak jiwa para pahlawan
Untuk titik penyatuan jiwa
Dalam setiap hembusan nafasmu.

Mantera semerah padi
Untaian mantera
Pembakar diri
Berasal dari tujuh gunung
Berpijak dari tujuh lautan
Pernah titiskan darah petualang

Mantera semerah padi
Bukan gumpalan kata semata
Tapi pasakan sendi maruah bangsa
Menerjah segala petualang
Menjunjung ikrar pejuang.

Hariza Mohd Yusof

SUDAH-SUD AHLAH....

Bukan sesiapa pun mengata,
Kalau peluh ini tumpah melata
Kerana iltizam yang ingin dikota
Bukankah itu yang dipandang mata

Bukan mata yang memandang segala
Tapi yang menerjah alam cakerawala
Betapa besarnya Dia di kala
Ada hati yang menimbang pahala
.....dan bala

Kalau boleh dijeritkan pada semua
Ingin ku katakan sahaja
Sudah-sudahlah menadah dunia
Kerana hari esok belum tentu ada
Bukan tidak ingin berusaha
Tetapi ada jua masanya
Dia perlukan kita lebih dari segala
Kerana itu beringatlah sentiasa
Tidak selamanya rahmat itu buta!

*Nik Salida Suhaila Nik Saleh
26 September 2005*

SIAPAKAH

Siapakah....

Yang sering berkirim salam,
Lewat remaja hati berbunga,
Meski tidak terpandang oleh mata,
Tapi tidak mengapa,
Kerana dia pasti,
Ada masa pasti terbongkar segala,
Kadang lemas dibuai anan,
Tapi mampukah dicari kelibat bayang?

Ramai yang mula bersangka
Dia ditimang oleh cinta
Tapi siapa,
Tiada yang mampu menjangka
Kerana bukan mudah mengalah
Pada pujuk dan belas kata.
Bukan tidak percaya,
Tetapi takut Dia murka dan durja
Maklum hati muda sering berkata
Kalau yang manis biar kekal bertakhta
Agar esok rahmat dan berkatNya
Menaungi segala!

Nik Salida Suhaila Nik Saleh
26 Januari 2006

KALAU DIA PERGI...

Kalau dia pergi kerana rajuk
Biarlah ku cari serata ceruk
Kerana ku pasti dapat memujuk.

Kalau dia pergi kerana terkilan
Biar ku tunggu hingga kembali ke pangkuan
Kerana ku pasti tiada siapa mampu menahan

Kalau dia pergi kerana berjuang
Biar ku ikut sama menentang
Kerana ku pasti akan menang

Kalau dia pergi kerana duka
Biar ku rasa pedihnya luka
Kerana ku pasti akan sembuh akhirnya

Kalau dia pergi kerana bosan
Biar ku turut rasa rawan
Kerana ku pasti ada sempadan

Kalau dia pergi kerana Yang Esa
Biar ku kejar kalau sampai masanya
Kerana ku pasti kita berjumpa di sana
Semuanya dengan izin Dia.

Nik Salida Suhaila Nik Saleh
26 Mac 2006

MAAF, DUHAI ANAK

Walau kadang rasa tidak terluah
Walau kadang senyum tidak tersambut
Walau kadang lelah tidak terlepas
Walau kadang lapar tidak teralas
Walau kadang sedih tidak terpujuk
Walau kadang kerling tidak tersapa
Walau kadang rajuk tidak terpujuk
Walau kadang mimpi tidak terbuai
Walau kadang bangkit tidak terpana
Tidak mengapalah,
Kerana selagi ada harapan,
Akan ku terus berjanji.

Walau sering dihulur tangan
Tidak tersambut
Walau sering dilaung nama
Tidak terjawab
Walau sering dibasahi airmata
Tidak terusap
Walau sering diminta sesaat
Tidak tertunai
Walau sering dirayu perhatian
Tidak terluang
Walau sering ditagih pandang
Tidak terkilas
Tidak mengapalah,
Kerana selagi ada ruang dan peluang,
Akan ku terus penuh.

Duhai cahaya anugerah Ilahi,
Kalaupun aku sering mungkiri,
Percayalah hati ini tetap pasti,
Sentiasa ku bawa kalian dalam diri,
Rengek dan tawa mekar di hati,
Sejati, abadi dan mewangi!

Nik Salida Suhaila Nik Saleh
26 Mei 2006

UNTUK MU PENDEBAT

Hendak daun diberi daun
Dalam daun ada bidara
Hendak pantun diberi pantun
Dalam pantun ada bicara

Dalam daun ada bidara
Bidara disimpan di Atas dapur
Kenapa tidak kita gembira
Pendeбат KUIM semakin masyhor

Bidara disimpan di atas dapur
Nanti dihidang untuk tetamu
Apa rahsia untuk masyhor
Usaha berlatih tanpa jemu

Nanti dihidang untuk tetamu
Manis buahnya tak terperi
Jangan gentar UIA bertamu
Langkah dibuka hujah ditajami

Manis buahnya tak terperi
Isi bersih tanpa ulat
Pengerusi kelab namanya hariri
Bila berdebat sungguh hebat

Isi bersih tanpa ulat
Dimakan isi dibuang biji
Bahasa arab diangkat mertabat
Bahasa agama serta diplomasi

Dimakan isi dibuang biji
Biji ditanam di sudut taman
Husni Zaim mantan pengerusi
Pewaris SK menjejak kecemerlangan

Biji ditanam disudut taman
Dilindungi oleh rimbunan bayam
Syrizal Wasim lagi tampan
Berdebat fasih bakal peguam

Dilindungi oleh rimbunan bayam
Dedaun bayam hijau dan merah
Bertungkus lumus ke larut malam
Kelab debat menempa sejarah

Dedaun bayam hijau dan merah
Disiram air diperkaya baja
Selepas ASEAN ke mana arah?
KUIM menawan dunia pula

Dedaun bayam hijau dan merah
Boleh Dipetik Tanpa Bermusim
Bumi nilai tambah bertuah
Berkat munajat warga KUIM

Boleh dipetik tanpa bermusim
Kekal Hijau Berhari-hari
Syukran Kathiran warga KUIM
Atas dorongan sejarah dilakari

Kekal hijau berhari-hari
Dedaunnya redup diwaktu senja
Demikian pantun pengucapan seni
Untukmu pendebat pembina citra

*PROF. DR. MOHAMMAD HJ. ALIAS
TIMBALAN REKTOR (HEP & ALUMNI)
KUIM*

PANTUN BAGI BULETIN KHAS KONVOKESYEN KEEMPAT KUIM

Buatkan saya secangkir kopi
Cangkir diperbuat daripada seramik
Pembangunan sahsiah TOR HEP
Pelengkap kepada kecemerlangan akademik

Wangi sungguh bunga melati
Tumbuh mekar di tepi kali
Persekitaran selesa penting sekali
Gembira Bersama Universiti, pasti

Jika tuan pergi ke Melaka
Dapatkan saya kuih cara
Pelajar glocal berdisiplin beretika
Bersemangat patriotik cinta Negara

Pergi ke pantai untuk berkelah
Keindahan alam menenangkan jiwa
MADUM mencungkil pendebat terserlah
Pendebat glocal menawan dunia

Gunung Datuk Gunung Angsi
Di lerengnya tumbuh pokok rotan
MASUM merancang penuh dedikasi
Daya saing dipupuk melalui sukan

Indah sungguh bunga raya
Bunga rasmi negara Malaysia
Pengangguran siswazah merisaukan kita
Menambah nilai peranan MAKLUM
Nukilan oleh;

PROF. DR. MOHAMMAD HJ. ALIAS
TIMBALAN REKTOR (HEP & ALUMNI)

**PANTUN UNTUK DIBACA PADA MALAM
'APRESIASI SENI' SEMPERA MINGGU
TAA'RUF SESI 2006/2007 PADA 4 JULAI
2006 BERTEMPAT DI STADIUM TERTUTUP
NILAI**

PENGENALAN

Jika tuan pergi ke dusun
Dapatkan saya buah bidara
Hendak pantun diberi pantun
Dalam pantun ada bicara

Manisnya madu tidak terperi
Umum mengetahui tentang khasiatnya
Bismillah dilafazkan, salam diberi
Salam puisi pembuka bicara

Angin bertiup ombak beralun
Ombak melanda perahu di muara
Mesej disampaikan menerusi pantun
Pengucapan seni dari saya

Masak ranum buah rambutan
Pemanis mulut sarapan pagi
Ahlan wasahlan kami ucapkan
Pelajar baru yang dikasihi

Jika tuan pergi ke hutan
Dapatkan saya setangkai jering
Tahniah diucapkan atas kejayaan
Menjejak kaki di Menara Gading

Bujam Empok di Negeri Sembilan
Sandang di bahu bagai tas tangan
Untuk kebahagiaan di masa hadapan
Amanah ibu bapa dilupa jangan

Menggadai relung tanah di kampung
Wang sebagai galang gantinya
Pengorbanan ibu bapa harus dihitung
Belajar bersungguh gembirakan hatinya

Orang muda di bilik tamu
Datuk di luar memotong papan
Penuhi dada dengan ilmu
Sebagai jaminan masa hadapan

RUJUKAN KEPADA NEGARA DAN PEMIMPIN

Seri Mersing di tepi muara
Pintu keluar ke Pulau Tioman
Yang DiPertuan Agong payung Negara
Pemerintahan 'adil Negara aman

Sekawan camar terbang tinggi
Menuju ke laut mencari rezeki
Pemimpin Negara kita sanjungi
Kejayaan didoakan kesetiaan diberi

Tekad emas hias sulaman
Budaya Minang juga Yamtuan
Pemimpin adil jadi sandaran
Itulah tunggak Negara aman

KUIM

Buah durian datang bermusim
Yang mengkal boleh diperam
Enam tahun umur KUIM
Di fasa ke-2 pemantapan program

Mekar melor di tepi kali
Dipetik dara penuh berhati
KUIM membangun dinamik sekali
Rektor peneraju acuan sendiri

Dari rumah pergi ke pasar
Pasar terletak di Bandar Seremban
Pentadbir KUIM penggerak dasar
Martabat bangsa tidak dikompromikan

KUIM IPTA ke-12 sudah terkenal
Program ditawarkan merentasi sempadan
Mendokong setia Misi Nasional
Memberi tumpuan modal insan

Gunung Kinabalu didaki sudah
Pelajar KUIM menempa sejarah
Kenapa tidak Nilai bertuah
Bertapaknya KUIM tersergam indah

Dimusim kemarau panas terik
Turunlah hujan petani berdoa'
Lokasi KUIM amat strategik
Di kawasan MSC berhampiran KLIA

Wangi sungguh bunga melati
Tumbuh mekar di tepi perigi
Persekitaran selesa penting sekali
Gembira Bersama KUIM, pasti

Cantik warnanya bunga kekwa
Digubah sejambak sebagai cenderahati
Objektif KUIM melahirkan siswa
Berpersonaliti unggul cemerlang prestasi

Jom ke restoran minum milo
Lebih sedap ditambah Nescafe
KUIM organisasi bersijil ISO
Pelajar semua pelanggan kami

RUJUKAN KEPADA PEMBANGUNAN SAHSIAH

Buatkan saya secangkir kopi
Cangkir diperbuat daripada seramik
Pembangunan sahsiah jati diri
Pelengkap kepada kecemerlangan akademik

Di belakang rumah ditanam kacang
Tidak dilupa sayur kailan
Jika kita gagal merancang
Kita merancang untuk kegagalan

Khazanah alam perlu dipelihara
Usah dieksploitasi sewenang hati
Siswa KUIM tunggak Negara
Disandarkan harapan menggunung tinggi

Merah saga sibunga raya
Bunga rasmi Negara Malaysia
Pelajar global berdisiplin & beretika
Bersemangat patriotik cinta Negara

Dijolok manggis dengan galah
Manggis dijual di pasar tani
Hormati profesor serta pensyarah
Bertambah berkat ilmu diperolehi

Pokok sagu di tepi paya
Ditebang ia untuk sagunya
Kelab Debat bina upaya
Pendebat global menawan dunia

Sang pahlawan menghunus keris
Menentang lawan dengan berani
Bahasa Arab bahasa Inggeris
Keraplah gunakan dalam interaksi

Daerah Rembau luak beradat
Adat Perpateh tetap diamalkan
Bulat manusia kerana muafakat
Asas kejayaan usaha berterusan

Penyanyi Mawi sungguh terkenal
Imejnya terdapat di sana sini
Pengguguran siswazah isu nasional
Penyelesaian tuntas sedang dicari

Sejambak bunga di atas para
Hasil gubahan dara sunti
Pengguguran siswazah isu Negara
Pemantapan "soft skills" kokurikulum diberi

Wanita Melayu bersopan santun
Pemudanya pula cekal & berani
Sekian bicara menerusi pantun
Pengucapan seni dari kami

*PROF. DR. MOHAMMAD HAJI ALIAS
Timbalan Rektor HEP dan Alumni
Kolej Universiti Islam Malaysia*

*Cik Zaharah Zainal Abidin
Unit Latihan & Peperiksaan
Kolej Universiti Islam Malaysia*

**MALAM ASPRESIASI SENI SEMPENA
MINGGU TA'ARUF PELAJAR TAMHIDI
2006/2007. 02 JULAI 2006 DKPI 9:00
MALAM**

MUQADDIMAH

Indah panaroma di air terjun
Khazanah alam perlu dipelihara
Hendak pantun diberi pantun
Dalam pantun ada bicara

Comel bentuknya prodia kenari
Melunur laju di lebuah raya
Bismillah dilafazkan salam diberi
Salam puisi pembuka bicara

Masuk hutan mencari rotan
Duduk berehat di bawah jati
Ahlan wasahlan kami ucapkan
Pelajar Tamhidi kami kasihi

Manis rasanya buah durian
Boleh dibeli mengikut musim
Tahniyatab lakum atas kejayaan
Diterima masuk Tamhidi KUIIM

Ditanam melor di sudut laman
Diselang seli dengan melati
Masuk Tamhidi satu kejayaan
Ilmu dituntut kecemerlangan dihayati

Jika tuan pergi ke Kelantan
Cubalah makan nasi kerabu
Dalam kejayaan usah lupakan
Pesanan ayah serta ibu

KUIIM

KUIIM IPTA sudah terkenal
Pelbagai program sudah ditawarkan
Mendokong kuat misi nasional
Komited mendidik modal insan

Pusat Tamhidi sinonim Prof. Jai
Suaa lantang juga peramah
Betapa tidak bertuahnya nilai
Bertapaknya KUIIM tersergam indah

Prof. Asin Timbalan Rektor
Bidang Dakwah beliau ceburi
Pembangunan KUIIM amat dinamik
Rektor peneraju acuan sendiri

Masin laut kerana garam
Masin mulut suci hati
Berbagai aktiviti serta program
'Gembira Bersama KUIIM', pasti

NASIHAT

Terbang tinggi camar sekawan
Menuju ke laut mencari rezeki
Rohani dicorak ilmu pengetahuan
Budi pekerti perhiasan diri

Menuju ke laut mencari rezeki
Sering menemani para nelayan
Tolong menolong amalan murni
Belajar bersama membawa kejayaan

Balik kampung tanam kacang
Kacang ditanam di sudut laman
Jika kita gagal merancang
Kita merancang untuk kegagalan

Dibeli bunga daripada nyonya
Sesuai dijadikan perhiasan dalaman
Harta perlu dijaga pemilikinya
Ilmu pula menjaga tuan

Bot nelayan menghampiri muara
Hasil tangkapan ikan tenggiri
Anda semua tunggak negara
Disandarkan harapan menggunggung tinggi

Jolok cempedak dengan galah
Rasanya enak manis sekali
Hormati profesor serta pensyarah
Bertambah berkat ilmu diperolehi

Bewarna hitam si buah manggis
Berkulit nipis lebih isi
Bahasa Arab Bahasa Inggeris
Keraplah gunakan dalam interaksi

Akademi fantasia melahirkan Mawi
KUIM Fantasia meletup juga
Kepada pengajian tumpuan diberi
Kecemerlangan anda kepuasan bersama

Dari Nilai ke Seri Meranti
Untuk melawat Istana lama
Cintai negara sayangi universiti
Idahkan pekerti jagalah nama

Untuk elawat Istana lama
Dibina ia tanpa paku
program Tamhidi KUIM Jenama
Kualiti tinggi tanpa ragu

Pelajar KUIM bersopan santun
Penampilan diri baik sekali
Sekian bicara menerusi pantun
Pengucapan seni daripada kami

*PROF. DR. MOHAMMAD HJ. ALIAS
TIMBALAN REKTOR (HEP & ALUMNI)*

**PERTANDINGAN PANTUN SEMPENA HARI
KEPUTERAAN YANG
DI PERTUAN AGONG ANJURAN KLASIK FM**

Masak ranum buah pulasan
Rasanya manis setanding duku
Malaysia maju menuju wawasan
Di bawah naungan Duli Tuanku

Rasanya manis setanding duku
Buah tempatan menjadi pilihan
Baginda adil mesra perilaku
Disenangi rakyat Negara aman

*PROF. DR. MOHAMMAD HJ. ALIAS
TIMBALAN REKTOR (HEP & ALUMNI)*

SEMANGAT SATRIA

Sahabatku

Kibarkanlah panji perjuangan ini
Bersama himpunan semangat satria
Bersama semangat perjuangan suci
Yang kita miliki

Sahabatku

Dikala usia yang begini
Janganlah engkau mempersia-siakan
Kerana setiap perjuangan ini
Adalah bakti... bakti kepada bangsamu sendiri...

Sahabatku

Adakah kau takut kepada mati
Adakah kau takut kepada musuh negaramu sendiri
Adakah kau sanggup melihat bangsa dikeji
Tidak.... tidak sama sekali...

Hei musuh ku yang durjana!

Adakah kau dengar... adakah kau dengar!
Semangat itu merupakan benteng perjuanganku
Semangat itu merupakan teras perpaduan
Setiap anak bangsaku...

Aduhai tanah air ku

Akan kupertahankan kedaulatanmu
Biar jasadku terbujur kaku
Gugur daku dalam dakapanmu...

Duhai ibu pertiwi

Restuilah setiap perjuangan kami
Bersama kasih Illahi
Yang kekal abadi...

Sahabatku

Bersama semangat perjuangan ini
Kita dirikan mahligai suci
Kita bentengkan semangat berani
Kita mesti bersatu hati...

Faidzil bin Redzuan

Abdul Ghafar Rabu – Anak kelahiran Muar, Johor dilahirkan pada 27 April 1974 amat meminati karya Sasterawan Negara Usman Awang. Beliau banyak mengarang puisi-puisi sebagai tanda luahan perasaan. Telah berkhidmat di HEP KUIM selama 5 tahun dan koleksi puisinya sering terbit di majalah dan akhbar.

Ramzi Sulaiman – Dilahirkan pada 11 Oktober 1973 di Besut Terengganu. Walau pun usia mencecah 33 tahun, minatnya terhadap bidang penulisan tidak pernah pudar. Kini beliau dalam usaha menerbitkan beberapa buah novel hasil tulisannya. Telah berkhidmat di HEP selama 6 tahun dan juga bergiat aktif mengarang puisi dan cerpen dan sering diterbitkan di beberapa majalah dan akhbar.

Setinggi penghargaan juga kepada **Prof. Dr. Mohammad Haji Alias** di atas sumbangan pantun, **Puan Hariza Md Yusof, Faidzil Redzuan** dan **Puan Nik Salida Suhaila Saleh** dan kerana turut serta menyumbang koleksi kreatif puisi –puisi mereka.





'Gembira Bersama KUIM'



www.kuim.edu.my